

**HUBUNGI SKUAD KUALA LANGAT / SEPANG:**  
NURUL FIRDAUS KHAIRI - 019-6680920/ 019-3371066

**KUALA LANGAT / SEPANG**

# Pengguna mohon **lampu jalan**

## Elak risiko terbabit nahas jalan raya terutama pada waktu malam

### KAMPUNG SAWAH

- Pengguna jalan raya di laluan Jambatan Kampung Sawah berharap kemudahan lampu jalan disediakan bagi mengelakkan kemalangan berlaku terutama pada waktu malam.

Penunggang motosikal, Mohdd Syukri Hassan, 34, berkata, dia nyaris terlibat dalam kemalangan ketika berada di belakang lori.

Menurutnya, dalam jarak hanya 500 meter itu, dia nyaris dilanggar sebuah van dari arah bertentangan yang

sedang memotong kenderaan di hadapannya.

"Masa tu saya sempat elak, sebab nampak cahaya lampu bila dah dekat. Kalau tak memang saya kena langgarlah.

"Memang setiap pagi saya bimbang sebab kawasan tu gelap dan tak ada cahaya langsung melainkan lampu kenderaan," katanya.

Kakitangan swasta, Nur Aisyah Osman, 40, berkata, dia menerima maklumat sudah beberapa kali isu gelap di kawasan itu disiarkan

dalam akhbar dan aduan juga dibuat kepada pihak berkenaan namun masih tiada jalan penyelesaian.

Menurutnya, sudah lama laluan tersebut gelap ditambah keadaan sunyi mengundang pelbagai risiko berlaku.

"Apa yang penting, pihak bertanggungjawab perlu peka dengan persekitaran dan lihat kemudahan itu diperlukan atau tidak.

"Kalau boleh, buat kajian di kawasan itu bagi melihat ada risiko kemalangan atau tak ketika waktu gelap," katanya.



Laluan gelap dan sunyi di Jambatan Kampung Sawah boleh mengundang risiko kemalangan.



# Bina parit tak ikut spesifikasi

**SUNGAI JAROM** - Penduduk di Lorong 17 Jenjarom, meluahkan rasa tidak puas hati berikutan kerja penyelenggaraan sistem perparitan di kawasan itu seperti melepaskan

batok di tangga.

Penduduk, Tan Leong Wah berkata, longkang besar dikesilkan dan pengaliran air yang banyak menyebabkan air melimpah.



Siok Hwa meninjau sistem perparitan di Lorong 17 Jenjarom.

Menurutnya, pihak berkenaan didakwa tidak melakukan kerja penyelenggaraan mengikut spesifikasi sehingga menimbulkan masalah kepada penduduk sekitar.

Bagaimanapun, masalah tersebut telah dipanjangkan kepada Ketua Wanita MCA Bahagian Kuala Langat, Ng Siok Hwa, dan beliau turut mempersoalkan keluasan parit yang dibina tidak sama saiz.

Menurutnya, keadaan itu boleh menyebabkan pembiakan aedes dan air akan bertakung jika paras tinggi.

“Saya juga mendapat maklum balas bahawa pihak berkenaan memberitahu, asalkan air boleh jalan pun dah cukup dan saya kesal dengan kenyataan itu.

“Bagi saya, walaupun wakil rakyat di kawasan itu berdepan pelbagai masalah berikutan pemecatannya daripada DAP, beliau perlu mengambil perhatian permasalahan penduduk,” katanya.